

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 Mei 2016

SOALAN

Tuan Julian Tan Kok Ping minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah tempat-tempat rumah orang tua yang terdapat di kawasan Kuching. Senaraikan kapasiti sekarang serta status perancangan jangka masa panjang penempatan tersebut.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberi perhatian yang serius berkaitan perkhidmatan yang disediakan di institusi warga emas. Untuk makluman, Rumah Seri Kenangan (RSK) di Sarawak iaitu RSK Sibu dan RSK Kuching adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak. RSK Sibu mempunyai kapasiti seramai 80 orang dan sehingga 6 Mei 2016, seramai 52 orang penghuni mendapat jagaan dan perlindungan di RSK Sibu iaitu 30 orang lelaki dan 22 orang perempuan. Manakala, RSK Kuching pula mempunyai kapasiti seramai 100 orang dan sehingga 6 Mei 2016, seramai 66 orang penghuni mendapat jagaan dan perlindungan di RSK Kuching iaitu 33 orang lelaki dan 33 orang perempuan. Tuan Yang di-Pertua, Dari segi perancangan jangka panjang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak merancang untuk menambah kakitangan dan memperkasakan kemahiran kepada kakitangan. JKM juga komited untuk terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan perkhidmatan pusat jagaan warga emas yang dikendalikan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan juga swasta yang berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Sehingga 6 Mei 2016, sebanyak 4 buah Pusat Jagaan Warga Emas di Kuching yang telah berdaftar dengan JKM dengan kapasiti 272 orang.

